



Berita PESUTM

Berita Persatuan Pesara Universiti Teknologi Malaysia

Berita ini dinamakan "**Berita PESUTM**". Penamaan nama ini selari dengan hasrat berita ini menjadi wadah penyampaian maklumat kepada ahli berhubung aktiviti yang dilakukan PESUTM. **Berita PESUTM** ini diterbitkan secara tak tetap, iaitu keperluan penerbitannya disandarkan betapa pentingnya sesebuah program yang dianjurkan itu perlu diuar-uarkan kepada ahli. Oleh sebab itu, kaedah penomboran bilangan dicatatkan secara berturutan dalam bulan /tahun. Selain itu, terbitan **Berita PESUTM** ini hanya dalam bentuk digital.



Sebahagian peserta **Bengkel Sistem Maklumat Pasca Perkhidmatan** sempat berfoto : dari kiri Abd Rahman Hamzah, Hairuzaman, Haji Md Noh Main, Haji Zainul Rashid Abu Bakar, Haji Khalid Mazlan, Puan Nurnasuha Alwi, Haji Helmee Yaacob, Haji Ismael Samat, Haji Abdul Razib Haji Shahuddin, En. Mohd Sofian Mohd Amran, dan Nor Shakila Mohd Shoki

AHLI JAWATANKUASA & BIRO PESUTM 2023-2025

YANG DIPERTUA

Prof. Emeritus Dato' Dr. Ahmad Darus (012-722 7429)

TIMBALAN YANG DIPERTUA

Tuan Haji Salleh Mohamad (016-733 2345)

SETIAUSAHA

Saudara Roslan Abd Ghani (019-712 4394)

PENOLONG SETIAUSAHA

Haji Ansar Sidek (019-656 5205)

BENDAHARI

Haji Jamaludin Harun (019-778 2613)

PENOLONG BENDAHARI

Dr.Hafizah Harun (017-682 4772)

BIRO SERANTA

Haji Khalid Mazlan (019-734 8735) | **Ketua**

Haji Bakri Mohd Dahlan (017-790 4489)

Cik Siti Zaiton Borham

BIRO EKONOMI

Puan Kasuma Masjuriah B. Basar (019-713 1743) | **Ketua**

Prof. Emeritus Dr.Ahmad Kamal Idris (019-728 8000)

En. Muhamad Saad Sulaiman

Puan Faridah Hussein

En. Abdul Hadi Othman

En. Othman Adon

BIRO KEBAJIKAN & SOSIAL

Haji Dahari Derani (019-731 0674) | **Ketua**

Haji Zainal Abidin Hassan (019-756 5751)

Puan Abrizah Abd. Rahim (017-700 1600)

Puan Ramlah Husin (019-780 0244)

En. Abdul Wahab Laberahimah

En. Razali Jantan

BIRO KHIDMAT PROFESIONAL

Haji Ismael Samat (012-707 8574) | **Ketua**

Haji Zainul Rashid Abu Bakar (013-773 6563)

Haji Md Noh Main

En. Mohd Sofian Mohd Amran

Haji Abdul Razib Haji Shahuddin

UTM SKUDAI | 16 November 2023

BENKEL SISTEM MAKLUMAT PASCA PERKHIDMATAN (e-PESARA)

Selaras dengan usaha untuk mewujudkan pengurusan sumber manusia yang lebih efisien, ke arah menjadikan data pesara UTM kekal relevan, Bahagian Pengurusan Organisasi, Jabatan Pendaftar, Universiti Teknologi Malaysia mengambil inisiatif bagi membangunkan modul sistem maklumat pasca perkhidmatan pesara UTM. Ketika ini, data maklumat seseorang pesara sama seperti ketika tamat perkhidmatan, kecuali data maklumat bagi pesara yang menjadi ahli Persatuan Pesara UTM (PESUTM), maklumat disatukan dalam sistem e-pesara dengan tujuan memenuhi keperluan persatuan khususnya dalam aspek pendaftaran ahli.

Sehubungan dengan keperluan ini, satu Bengkel Sistem Maklumat Pasca Perkhidmatan (e-Pesara) telah diadakan pada 16 November 2023 bertempat Bilik Seminar 1 Pusat Pembangunan Bakat dan Kepimpinan (CTLD) Pejabat Pendaftar.

Bengkel ini dihoskan oleh Puan Hartini Darsono, Timbalan Pendaftar Bahagian Pengurusan Organisasi. Urus setia disantuni Seksyen Kemudahan Perubatan & Kebajikan Staf yang diketuai Puan Nurnasuha Alwi, Penolong Pendaftar Kanan. Manakala UTM Digital memberikan tanggungjawab membangunkan modul sistem maklumat pasca perkhidmatan ini kepada Bahagian Inovasi yang diketuai Encik Helmee Yaacob. Selain itu, peserta bengkel ini turut dihadiri PESUTM yang diketuai Biro Khidmat Profesional iaitu Hj Ismael serta lima pesara lain.

Bengkel bermula dengan Puan Hartini Darsono menitipkan ucapan selamat datang kepada pihak UTM Digital dan Biro Khidmat Profesional PESUTM kerana hadir menjayakan bengkel yang diadakan ini. Beliau mengharapkan diakhir sesi bengkel dapatan mampu memberikan perspektif jelas untuk dijadikan panduan dalam rangka menggerakkan pelan membangunkan modul pasca perkhidmatan ini.

Puan Nurnasuha selaku urus setia mengambil giliran dengan memberikan taklimat bengkel. Perkara yang diberikan penekanan ialah mencapai objektif bengkel. Antara objektif yang disasarkan ialah (i) Mengenal pasti maklumat yang perlu ada dalam modul pasca perkhidmatan, (ii) Menyediakan keperluan pengguna untuk modul pasca perkhidmatan, (iii) Mengenal pasti peranan dan tanggungjawab antara pesara dengan pegawai UTM dalam menguruskan pasca perkhidmatan dan (iv) Menentukan keperluan pengguna dan pembangunan sistem oleh pihak-pihak terlibat.

Urus setia turut menjangkakan hasil yang bakal diperoleh daripada sesi perbengkelan ini. Hasil yang diharapkan ialah (i) Menyediakan keperluan pengguna yang lengkap untuk pembangunan modul pasca perkhidmatan. (ii) Mampu menetapkan peranan dan tanggungjawab pihak berkepentingan dalam pembangunan modul pasca perkhidmatan dan (iii) Mengenal pasti menyaring maklumat yang diperlukan dari data UTMHR kepada sistem pasca perkhidmatan.

Pembentangan seterusnya berfokus membentangkan skop pembangunan sistem dan masalah-isu-isu semasa dalam mendepani hasrat membangunkan sistem maklumat pasca perkhidmatan yang diberikan oleh saudara Helmee Yaacob. Bagi memberi gambaran jelas saudara Helmee turut membincangkan Peta Minda dengan menggunakan Peta Minda APC sebagai contoh.

Sesi perbincangan kumpulan dimulakan dengan mengambil pendekatan membahagikan peserta bengkel kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan yang membincangkan aspek data dan satu lagi kumpulan menekuni proses kerja/aliran kerja.

Diakhir sesi kedua-dua kumpulan membentangkan dapatan perbincangan; antara yang menjadi perhatian dalam pembangunan sistem maklumat ini ialah:

- entri masukan/angkubah “meninggal dunia”, “kahwin/ceraai”,
- kepakaran pesara,
- pelajaran peringkat universiti, dan
- menggunakan “no akaun” pesara (12 digit) seperti tercatat dalam Kad Pesara Kerajaan Malaysia.

Selain itu, bagi memastikan sistem maklumat PESUTM mesra pengguna;

- nilai yuran secara automatik bukan dalam bentuk “pilihan” seperti sekarang.
- e-Pesara selain menyediakan no akaun dan bank penerima dicadangkan tampilkan QR code bagi memudahkan pesara membuat bayaran.
- Aliran proses pengesahan keahlian persatuan ditegas berlaku sebaik sahaja bayaran diterima dan disahkan oleh Bendahari.
- Selari dengan penerimaan bayaran, laporan yang dijana untuk ahli dicadangkan bukan seperti format sekarang perwajahan lebih ringkas.
- Nombor ahli dijana secara automatik dan mengekalkan empat digit (cth 0555).
- Boleh menjana laporan; jumlah pesara mengikut tahun, mengikut tahap perjawatan, mengikut jantina dan perbandingan peratusan dengan pesara yang tak menjadi ahli PESUTM berdasarkan tahun dan jantina, peratusan ahli menerima rawatan di PKU dan lain-lain.

Pertimbangan lain diberi dalam pembangunan sistem ini soal integrasi dengan UTMHR, Sistem maklumat PKU menjadi keutamaan, bahkan mengunjurkan pembangunannya selari dengan HRMIS (Sistem Maklumat Jabatan Perkhidmatan Awam).

Fungsi dan urusan yang akan dilaksanakan dibangunkan berasaskan kepada dasar dan peraturan UTM yang berkuatkuasa. Kerana itu, aliran proses yang dibangunkan adalah menjadi prosedur standard untuk dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Organisasi dan PESUTM. Ringkasnya maklumat yang dijana melalui pelaksanaan modul sistem maklumat ini akan digunakan sebagai maklumat resmi bagi UTM dan PESUTM dalam urusan sumber pesara pasca perkhidmatan khususnya dalam aspek kemudahan perubatan dan kaitannya dengan unjuran kewangan.

Berita PESUTM difahamkan bahawa Bahagian Inovasi memastikan UTM Digital dalam pelan pelaksanaan tahun 2024 memasukkan agenda menggerakkan kerja membangunkan sistem maklumat pasca perkhidmatan ini.

BENGKEL SISTEM PASCA PERKHIDMATAN (E-PESARA)

16 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)
8.30 PAGI – 1.00 TENGAHARI
BILIK SEMINAR 1, CTLD
UTM Johor Bahru.



Innovati





